



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2004

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PERUBATAN, JURURAWAT PERGIGIAN, JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN, JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN DAN PEGAWAI SAINS

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Juruteknologi Makmal Perubatan masing-masing di Gred U29, U32, U36, U38, U40 dan Pegawai Sains Gred C41, C44, C48, C52, C54.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa kini, skim-skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Juruteknologi Makmal Perubatan tidak mempunyai peluang peningkatan ke gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

3. Bagi memberi peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai yang berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan tersebut maka pindaan sewajarnya telah dibuat bagi memperuntuk peluang peningkatan ke gred yang lebih tinggi secara Kenaikan Pangkat

Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pegawai Sains Gred C41, C44, C48, C52, C54. Perkhidmatan pengajar juga telah dipertingkatkan ke perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, maka pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Juruteknologi Makmal Perubatan berpeluang meningkat secara KPSL ke skim perkhidmatan Pengajar Gred U41, U44, U48, U52, U54.

PINDAAN

4. Bagi memperuntukkan peluang peningkatan ke gred Kumpulan Pengurusan dan Profesional, syarat KPSL dalam skim-skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Juruteknologi Makmal Perubatan dipinda bagi membolehkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan ini dipertimbang KPSL ke skim perkhidmatan Pengajar Gred U41 dan Pegawai Sains Gred C41. Selaras dengan peruntukan ini, skim perkhidmatan Pegawai Sains Gred C41, C44, C48, C52, C54 juga turut dipinda untuk membolehkan pegawai dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan dilantik secara KPSL ke skim perkhidmatan Pegawai Sains.

5. Skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pegawai Sains yang baru adalah seperti di **Lampiran A, B, C, D dan E**.

TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pegawai Sains yang baru adalah mulai **1 Januari 2005**.


PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pegawai Sains yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Disember 2004

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan